

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

## PELANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MINGGU KE EMPAT

1. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya penutupan sementara masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang akan berakhir pada hari Isnin (waktu Isya'), 13 Sya'aban 1441 Hijrah bersamaan 06 April 2020 Masehi, adalah dilanjutkan lagi selama seminggu mulai hari Selasa (waktu Subuh), 13 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 07 April 2020 Masehi hingga hari Isnin (waktu Isya'), 20 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 13 April 2020 Masehi.
2. Ketetapan ini adalah hasil penilaian Majlis Ugama Islam Brunei dalam persidangannya yang diadakan pada hari Sabtu, 10 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 04 April 2020 Masehi berdasarkan keterangan dan nasihat Kementerian Kesihatan bahawa masih terdapat bahaya wabak COVID-19 di negara ini dan bersesuaian dengan Fatwa Mufti Kerajaan bilangan 02/2020 mengenai kewajipan menghindari daripada bahaya wabak itu.
3. Dalam menimbangkan ketetapan bagi melanjutkan penutupan sementara yang dimaksudkan, Majlis Ugama Islam Brunei telah meneliti tiga pilihan yang dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan bagi masjid-masjid, surau-

surau dan balai-balai ibadat boleh dibuka untuk sembahyang-sembahyang berjemaah seperti sedia kala, iaitu:

- (i) *Menunggu sehingga negara kita disahkan bebas sepenuhnya daripada jangkitan wabak, iaitu apabila tempoh dua kali **incubation period** selama 28 hari daripada kes terakhir tidak ada lagi kes baharu jangkitan sepanjang tempoh berkenaan; atau*
  - (ii) *Berpandukan kepada **limited spread** keluarga terakhir dijangkiti (jangkitan kes ke-131) yang mana tarikh terakhirnya itu akan jatuh pada 15 April 2020 Masehi; atau*
  - (iii) *Pembukaan semula masjid, surau dan balai-balai ibadat boleh ditimbangkan ketika ini juga dengan memenuhi syarat-syarat penjagaan kesihatan dilakukan secara berterusan bagi menghindarkan penularan wabak COVID-19. Hal ini melibatkan beberapa tatacara pembersihan masjid, surau dan balai ibadat secara berterusan dan kawalan ke atas orang ramai yang datang berjemaah termasuk juga tatacara sembahyang berjemaah yang diperkenalkan iaitu penjarakkan antara jemaah menurut sebagaimana yang diharuskan oleh hukum syara' dalam keadaan dan suasana kita menghadapi wabak COVID-19 pada masa ini.*
4. Majlis Ugama Islam Brunei telah menimbangkan ketiga-tiga senario pilihan yang dibentangkan itu. Pertimbangan utama ialah bagi memastikan keselamatan jemaah. Hukum Syara' sebagaimana yang difatwakan adalah mengutamakan keselamatan dengan menghindarkan kebinasaan-kebinasaan daripada setakat untuk mendapatkan *masholeh* yakni kepentingan atau faedah-faedah iaitu daripada kaedah fiqih: “*دَرْءُ الْمَقَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ*” (menolak mudharat [bahaya] lebih didahulukan dari mengambil manfaat) yang dalam perkara penutupan sementara masjid, surau dan balai ibadat ialah mendapatkan pahala datang ke masjid untuk sembahyang-

- sembahyang waktu berjemaah dan menunaikan Fardhu 'Ain bersembahyang Jumaat. Maka Majlis menetapkan langkah yang tepat dibuat atau pilihan yang lebih utama diambil ialah memastikan masjid, surau dan balai ibadat dibuka dalam keadaan yang tidak lagi membahayakan jemaah yang datang dan orang lain secara umumnya.
5. Ke arah itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah dan sedang bergerak melaksanakannya. Dalam hal ini, Jabatan berkenaan akan bersama-sama ahli-ahli Takmir Masjid dan sukarelawan yang terdiri daripada belia dan muslimah masjid bagi memastikan pelaksanaan menjaga kebersihan yang berterusan dan memberikan kefahaman kepada jemaah masjid untuk bekerjasama mematuhi tatacara yang ditetapkan dalam garis panduan Kementerian Kesihatan bagi masjid, surau dan balai ibadat dibuka semula.
  6. Berhubung kegiatan keugamaan di malam Nisfu Sya'ban yang akan jatuh pada hari Rabu (malam Khamis), 15 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 08 April 2020 Masehi, di mana ia juga terkandung dalam tempoh penutupan sementara masjid. Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Radio Televisyen Brunei akan bekerjasama menyiarkan secara langsung dari Masjid 'Omar 'Ali Saifuddien bacaan surah Yaasin beserta doa. Orang ramai di rumah masing-masing bolehlah mengikuti sama bacaan surah Yaasin dan doa tersebut.
  7. Berhubung dengan penutupan lanjut sementara yang diumumkan tadi, saya ingin menambah bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah menghargakan semangat cintakan masjid di kalangan orang ramai. Mereka prihatin untuk datang ke masjid bersembahyang jemaah seperti biasa. Namun dalam mereka merindukan saat tibanya untuk ke masjid itu, mereka juga memahami keperluan penutupan sementara masjid, surau dan balai ibadat itu dikuatkuasakan yang kerananya sudah tiga kali Jumaat kita tidak bersembahyang Jumaat yang mana akan memasuki Jumaat ke empatnya dengan penutupan yang dilanjutkan seminggu lagi mulai esok hari Selasa. Demikian juga berjemaah sembahyang lima waktu telah tidak dilakukan oleh

Jemaah yang biasa mendatangi masjid, surau dan balai ibadat kecuali oleh pegawai-pegawainya yang bertugas.

Dalam hal ini memanglah kita kehilangan kesempatan meraih pahala datang ke masjid dan beribadat seperti biasa. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama kita sebenarnya melaksanakan ajaran Sunnah bahkan mematuhi perintah wajib menghindari bahaya sesuai dengan riwayat oleh Al-Imam Bukhari dalam *Sahih Bukhari, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:*

*(Hadis ini pernah dibaca oleh 'Abd al-Rahman bin 'Auf kepada Khalifah 'Umar bin al-Khattab ketika beliau hendak bercadang pergi ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana pada zaman pemerintahannya. Mendengar hadis ini, Amirul Mukminin 'Umar al-Khattab membatalkan hasratnya.)*

"إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ، فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا، فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ"

"Apabila kamu mendengar mengenainya (wabak taun) di sesuatu tempat, maka jangan kamu memasuki tempat tersebut. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada dalamnya, jangan kamu keluar melarikan diri daripadanya"

Sambil tidak dapat ke masjid beribadah seperti biasa itu adalah juga satu kesempatan atau peluang untuk meraih pahala Sunnat bersembahyang jemaah bersama keluarga di rumah. Pendek kata dalam keadaan penutupan sementara yang dikuatkuasakan sekarang, kita ambillah peluang-peluang untuk sempat bersembahyang jemaah bersama keluarga di rumah yang mana akan mendatangkan keberkatan juga kepada rumah kita dan ahli-ahli keluarga.

**-TAMAT-**

Rujukan: KHEU/BPA/PR/APR/2020

Tarikh: 13hb Sya'ban 1441H bersamaan 06hb April 2020M